



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**10 JUN 2022 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHMAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**


---

**10 JUN 2022 (JUMAAT)**

## Harga telur ayam naik hingga 20 peratus

PEMBORONG dan peruncit di Kedah tertekan apabila mereka bukan sahaja sukar mendapatkan bekalan telur ayam untuk memenuhi permintaan pelanggan, malah masalah itu menyebabkan berlaku kenaikan harga telur sehingga 20 peratus sejak seminggu lalu. • **BERITA DI MUKA 16**





PELANGGAN memilih telur ayam kampung yang dijual di Pasar Pagi Taman Ria Jaya, Sungai Petani semalam.

Peruncit terpaksa beralih jual telur ayam kampung

## Telur ayam kurang, harga melambung

**SUNGAI PETANI** — Masalah kekurangan bekalan telur ayam di negeri ini menyebabkan berlaku kenaikan harga di pasaran sejak seminggu lalu.

Pihak pemborong dan peruncit pula didakwa tertekan apabila menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan telur untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, harga runcit telur ayam Gred C sebelum ini RM9.70 (sekarang RM11.70); Gred B sebelum RM11 (sekarang RM13), manakala Gred A sebelum RM13 (sekarang RM15-RM16) dijual di pasaran.

Seorang pemborong, Ah Swee

Kee, 50, dari Kuala Ketil berkata, kekurangan bekalan di pasaran bermula seminggu lalu sehingga harganya turut melonjak tinggi.

"Akibat bekalan telur ayam di pasaran berkurang, harganya naik antara 10 hingga 20 peratus.

"Jadi saya terpaksa menghadkan tempahan peruncit atau mengurangkan kuantiti tempahan sehingga turut menjejaskan perniagaan yang diusahakan lebih 20 tahun ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, pihak peniaga juga tidak menolak kemungkinan harga telur mengalami kenaikan menjelang Aidiladha depan ke-

rana permintaannya meningkat.

Peruncit, Shuib Nayan, 60, yang menjual telur di Pasar Pagi Taman Ria, di sini berkata, dia difahamkan bekalan dari ladang berkurang sehingga peniaga terpaksa membeli telur ayam kampung untuk memenuhi permintaan pengguna.

"Telur ayam kampung gred AA dijual dengan harga RM16 sepapan (30 biji), gred A (RM15), gred B (RM12) dan gred C (RM11).

"Harga telur ayam didapati meningkat lebih tinggi berbanding minggu lalu kerana kekurangan bekalan di pihak pemborong dan kedai runcit," ujarnya.

## KPDNHEP perangi aktiviti manipulasi diesel subsidi



SAHARUDDIN (duduk, kanan) menunjukkan imej lori tangki yang ditahan kerana disyaki melakukan aktiviti menyeleweng bahan bakar bersubsidi.

**KUALA TERENGGANU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan aktiviti membeli bahan bakar bersubsidi di stesen-stesen minyak di negeri ini sebelum menjualnya dengan harga lebih tinggi kepada pihak industri.

Dalang terbabit mengambil kesempatan daripada kenaikan harga petrol dan diesel pada masa ini dengan menggunakan lori tangki minyak berlesen.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, kegiatan itu mula dikesan menular di negeri ini apabila sebuah lori tangki ditahan di se-

buah stesen minyak di Wakaf Tapal, Marang pada 18 Mei lalu.

"Semasa ditahan, suspek tersebut sedang memindahkan 16,380 liter minyak diesel bernilai RM83,217 ke ruang simpanan tangki (lori) tanpa kebenaran Pengawal Bekalan.

"Sehubungan itu, KPDNHEP Terengganu mengambil pendekatan proaktif menggerakkan 116 penguat kuasa memeriksa 160 buah stesen minyak di seluruh negeri ini bagi membendung kegiatan tersebut," katanya ketika mengetuai pemeriksaan di sebuah stesen minyak di Wakaf Mempelam, di sini semalam.

Ujarnya, tumpuan akan di-

berikan kepada stesen minyak mencurigakan yang kerap kehabisan stok dan mencatatkan penjualan besar dalam kuantiti besar pada masa singkat.

Tegasnya, KPDNHEP Terengganu tidak akan berkompromi dan memberi amaran keras kepada pihak berkaitan termasuk pengusaha stesen minyak yang bersubahat.

Tambah beliau, setakat ini, sebanyak tujuh buah stesen minyak di seluruh Terengganu pernah dikenakan tindakan atas kesalahan melanggar perintah Pengawal Bekalan melibatkan jumlah kompaun keseluruhan RM18,500 sejak 2019.



## Tiga ditahan dalam serbuan

MOHD Khairi (kiri) bersama pegawainya memeriksa tangki penyimpanan minyak diesel tidak sah yang dirampas dalam serbuan di Johan Setia Klang, kelmarin. Gambar kecil, Mohd Khairi (kanan) memeriksa peralatan digunakan dalam operasi penyelewengan.

**Klang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menumpaskan aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi sebanyak 55,200 liter di sebuah stor di Jalan Johan Se-

tia di sini, kelmarin. Pengarah KPDNHEP Selangor Mohd Khairi Jamaludin berkata, hasil serbuan tujuh pegawai kementerian itu mendapati lapan tangki gelongsor, empat lori dan empat badan tangki lori di-

temukan di premis itu kira-kira jam 8 pagi. "Hasil pemeriksaan dan pemantauan menunjukkan terdapat aktiviti pembelian diesel daripada stesen minyak oleh kenderaan bermotor jenis lori dan disyaki

berlaku aktiviti penghantaran dan penyimpanan di lokasi sasaran serbuan. "Hasil serbuan, tiga lelaki tempatan berusia antara 25 dan 41 tahun ditahan semasa serbuan. Rakaman percakapan untuk keperluan siasatan diambil dan (mereka) dibebaskan dengan jaminan polis," katanya di sini.

Katanya, selain diesel, lori dan tangki, KPDNHEP turut menyita peralatan yang digunakan bagi kerja pemindahan diesel dengan nilai keseluruhan kira-kira RM605,000.

Mohd Khairi berkata, premis yang diserbu didapati tidak mempunyai lesen sah atau apa-apa dokumen kebenaran dari pengawal bekalan untuk menjalankan urusan barang kawalan bersubsidi diesel.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM6.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Gula Pasir	RM2.75	• Cili Merah	RM10.99
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM10	• Bawang Besar Holland	RM2.50	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.20
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.50	• Bawang Putih	RM5	• Tepung Gandum	RM2.30

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDK-HEP